

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD  
( PERDANA MENTERI )

UPACARA: PERUTUSAN HARI RAYA AIDILADHA 1999 / 1419H

TEMPAT: KUALA LUMPUR

TARIKH: 27 MAR 1999

MASA:

Saya dan isteri saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidiladha kepada semua muslimin dan muslimat di negara ini.

2. Kita seharusnya bersyukur kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana umat Islam di negara ini masih dapat menyambut Hari Raya Korban dalam keadaan aman dan sempurna walaupun masalah kegawatan ekonomi masih belum diatasi sepenuhnya. Kita bersyukur kerana seperti biasa umat Islam masih dapat melakukan upacara penyembelihan korban sebagai menandakan kesyukuran kita kepada Allah di atas segala nikmat yang dikurniakan-Nya. Kegawatan ekonomi juga tidak menjejaskan bilangan umat Islam dari negara ini yang mengerjakan ibadat Haji ke Mekah setiap tahun.

3. Perayaan tahun ini juga lebih bermakna kerana hasil dan berkat pengorbanan dan kerjasama rakyat Malaysia di dalam menyokong dasar-dasar kerajaan, kita telah berjaya sedikit sebanyak menangani masalah kegawatan ekonomi yang menimpa negara kita. Insya Allah dengan kerjasama yang berterusan daripada rakyat serta usaha yang lebih gigih, kita akan dapat memulihkan kembali ekonomi negara kita seperti biasa.

4. Namun keadaan di Malaysia hari ini, terutama sekali kehidupan harian rakyat, jauh lebih baik daripada kebanyakan negara di rantau ini yang turut terjejas oleh serangan keatas matawang dan pasaran saham yang dilakukan oleh pihak yang tamak yang hanya ingin mengaut keuntungan daripada kesusahan orang lain.

5. Kita telah berjaya mematahkan niat jahat mereka dan mengekalkan kebebasan negara kita. Dan yang penting sekali, langkah-langkah kerajaan mengimbangkan perbezaan ekonomi diantara kaum telah berjaya mengekalkan keharmonian dan keamanan diantara kita sesama Islam dan rakan-rakan kita yang bukan beragama Islam. Sekaligus keharmonian dan keamanan inilah yang telah membolehkan kita umat Islam dan rakyat Malaysia yang menganut agama lain masing-masing mengikuti ajaran masing-masing dengan sempurna tanpa diganggu-gugat.

6. Namun kita sedih kerana masih ramai lagi umat Islam di negara-negara lain yang kehidupan mereka tertekan dan ditindas seperti di Kosovo dan Palestin. Kita harus bersyukur kerana malapetaka sebegini tidak menimpa masyarakat Islam di Malaysia yang dapat menikmati kemajuan dan kesenangan.

7. Keadaan negara yang aman ini juga telah membolehkan kita memajukan masyarakat Islam Malaysia agar mereka dapat setanding di dalam apa jua lapangan dengan rakan-rakan mereka yang bukan beragama Islam. Sehingga kini, kemajuan masyarakat Islam Malaysia boleh dibanggakan dan sedikit sebanyak, kita dapat membuktikan kemampuan orang Islam yang tidak kurang berbanding dengan masyarakat lain. Inilah usaha kita untuk menebus maruah orang Islam yang selama ini dipandang rendah oleh sesetengah pihak.

8. Sempena hari yang mulia ini, saya ingin meyeru kepada semua umat Islam di Malaysia agar sentiasa menjaga silaturahim antara kita sesama Muslim. Kita haruslah sentiasa bersatu-padu dan mengelakkan dari terjadinya perpecahan dan perbalahan diantara kita disebabkan kepentingan diri sendiri atau sesuatu kumpulan. Saya harap umat Islam di negara ini juga akan sentiasa menjaga maruah mereka dan megelak daripada mencemarkan kesucian agama Islam kerana dorongan nafsu dan perbuatan yang tidak bertanggungjawab.

9. Sekali lagi, saya dan isteri saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidiladha kepada semua umat Islam di Malaysia. Di hari yang mulia ini marilah kita bersama-sama mendoakan kesejahteraan para jemaah haji kita di tanah suci agar mereka dapat melakukan ibadah haji dengan sempurna dan kembali ke tanah air dengan selamat dan membawa bersama pengalaman mereka yang boleh dijadikan manfaat untuk kita semua demi mempertingkatkan lagi keimanan kita.